



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF CUKAI BAGI PENGANJURAN
AKTIVITI KESENIAN, KEBUDAYAAN,
SUKAN DAN REKREASI**

KETETAPAN UMUM NO. 6/2024

TARIKH PENERBITAN: 27 DISEMBER 2024



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Pertama

© 2024 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Permohonan Surat Kebenaran dan Surat Kelulusan bagi Pengecualian Cukai	2
6. Insentif Cukai	3
7. Akaun Berasingan	7
8. Penafian	7

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan insentif cukai yang disediakan kepada penganjur yang menganjurkan aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan serta pertandingan sukan atau rekreasi yang diluluskan di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuatkuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 21 dan 21A.
- 2.3 Perundangan subsidiari yang berkaitan adalah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No 12) 2021 [P.U.(A) 478/2021].

3. Interpretasi

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.2 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu tahun taksiran, bermaksud suatu tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau seksyen 21A ACP.
- 3.3 “Tahun Taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.4 “Penganjur” bermaksud syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 atau persatuan atau organisasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.
- 3.5 “Aktiviti kesenian atau kebudayaan” bermaksud suatu pertunjukan pentas yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

dan dianjurkan dengan penyertaan rakyat asing yang telah mempersembahkan sekurang-kurangnya tiga persembahan di mana-mana negara selain negaranya sendiri.

3.6 “Pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa” bermaksud apa-apa acara sukan atau aktiviti rekreasi yang diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan dianjurkan dalam apa-apa bentuk dengan penyertaan rakyat asing dari beberapa negara.

3.7 “Rakyat asing” bermaksud individu yang bukan warganegara Malaysia.

4. Pengenalan

Aktiviti kesenian dan kebudayaan Malaysia telah lama dipertontonkan melalui festival dan pelbagai acara yang dianjurkan oleh pelbagai penganjur di Malaysia. Malaysia mempunyai banyak fasiliti dan infrastruktur sukan yang komprehensif yang sesuai untuk pelbagai acara antarabangsa. Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat pameran, festival atau persidangan serta sebarang pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa, Kerajaan telah memperkenalkan semula insentif cukai untuk penganjur bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti yang diluluskan.

5. Permohonan Surat Kebenaran dan Surat Kelulusan bagi Pengecualian Cukai

5.1 MOTAC telah mengeluarkan garis panduan untuk menjelaskan kriteria umum dan prosedur berhubung permohonan pengecualian cukai bagi menganjurkan aktiviti kesenian dan kebudayaan bertaraf antarabangsa di Malaysia.

5.2 Pihak penganjur yang berhasrat untuk menganjurkan aktiviti kesenian dan kebudayaan bertaraf antarabangsa perlu menghantar dokumen dan melengkapkan borang permohonan berkaitan kepada pihak MOTAC. Permohonan perlu dihantar dalam tempoh 30 hari sebelum aktiviti dilaksanakan. Selepas meneliti permohonan aktiviti yang dicadang, pihak MOTAC akan mengeluarkan surat kebenaran bagi penganjuran aktiviti.

5.3 Pihak penganjur perlu menghantar permohonan kepada pihak MOTAC tidak lewat dari 90 hari selepas aktiviti dilaksanakan untuk mendapatkan surat kelulusan pengecualian cukai. Untuk maklumat lanjut berhubung

permohonan, sila rujuk kepada garis panduan bertajuk 'Garis Panduan Insentif Pengecualian Cukai', yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi MOTAC di www.motac.gov.my.

- 5.4 Bagi pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa, pihak penganjur perlu menghantar permohonan kepada KBS secara dalam talian di <https://erosa.kbs.gov.my> tidak lewat dari 90 hari sebelum aktiviti dilaksanakan. Permohonan akan disemak dan diproses oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan, KBS. Selepas meneliti permohonan aktiviti yang dicadang, pihak KBS akan mengeluarkan surat kebenaran bagi penganjuran aktiviti.
- 5.5 Pihak penganjur perlu menghantar permohonan kepada pihak KBS tidak lewat dari 90 hari selepas aktiviti dilaksanakan untuk mendapatkan surat kelulusan bagi pengecualian cukai. Untuk maklumat lanjut berhubung prosedur permohonan, sila rujuk kepada laman sesawang rasmi KBS di www.kbs.gov.my.

6. Insentif Cukai

Syarikat, persatuan atau organisasi yang menganjurkan aktiviti kesenian atau kebudayaan, atau pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan adalah layak untuk menuntut pengecualian cukai pendapatan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

(a) Aktiviti-aktiviti yang diluluskan

Bagi melayakkan pengecualian cukai, penganjur mestilah menganjurkan acara di Malaysia seperti yang berikut:

- (i) aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh MOTAC dan diadakan di Istana Budaya, Balai Seni Visual Negara atau Dewan Filharmonik Petronas; atau
- (ii) pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa yang diadakan di lokasi penganjuran yang diluluskan oleh KBS.

(b) Pengecualian cukai

Penganjur yang menganjurkan aktiviti-aktiviti kesenian atau kebudayaan, atau pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan akan diberikan pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada penganjuran aktiviti-aktiviti tersebut. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2020 sehingga 2025.

Contoh 1

Kelab E-Strike, sebuah pertubuhan di Malaysia telah menganjurkan pertandingan sukan elektronik peringkat antarabangsa yang berlangsung di Kuala Lumpur. Seramai 150 orang peserta tempatan dan 50 orang peserta antarabangsa dari 4 buah negara berasingan telah menyertai pertandingan tersebut. Kelab E-Strike menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan berkanun bagi Kelab E-Strike bagi tahun berakhir 31.12.2023 ke atas penganjuran pertandingan sukan elektronik adalah sebanyak RM200,000.

Pertandingan rekreasi bertaraf antarabangsa ini telah diluluskan oleh KBS. Oleh itu, pihak penganjur adalah layak mendapat pengecualian cukai sebanyak 50% (RM100,000) ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada pertandingan tersebut.

Contoh 2

MNO Sdn Bhd menjalankan perniagaan menjual peralatan dan pakaian sukan. MNO Sdn Bhd menganjurkan kejohanan golf antarabangsa yang diadakan di Bukit Jalil Golf & Country Club, Kuala Lumpur mulai 2.6.2023 sehingga 4.6.2023. Pemain-pemain golf bertaraf antarabangsa telah dijemput untuk menyertai kejohanan tersebut. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan berkanun perniagaan dan jualan tiket kejohanan golf bagi tahun berakhir 31.12.2023 adalah seperti yang berikut:

Butiran	RM
Pendapatan berkanun perniagaan	1,500,000
Pendapatan kasar daripada jualan tiket kejohanan golf	400,000
Perbelanjaan yang dilakukan berkaitan kejohanan	250,000

Penganjuran pertandingan golf telah mendapat kelulusan pengecualian cukai daripada KBS kerana telah memenuhi syarat penganjuran pertandingan sukan bertaraf antarabangsa. Oleh itu, pihak penganjur adalah layak mendapat pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun yang diperolehi daripada aktiviti kejohanan golf ini. Syarikat telah menyediakan akaun berasingan bagi menentukan pendapatan yang dikecualikan.

**Pengiraan Cukai Kena Dibayar
Tahun Taksiran 2023**

	RM	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan daripada jualan peralatan dan pakaian sukan			1,500,000
Pendapatan kasar daripada jualan tiket kejohanan golf	-	400,000	
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	250,000	250,000	
Pendapatan berkanun kejohanan		150,000	
Tolak: Amaun pengecualian pendapatan yang dibenarkan – 50%	-	(75,000)	
Pendapatan berkanun daripada jualan tiket kejohanan golf tertakluk cukai	-	75,000	75,000
Pendapatan agregat/ Jumlah pendapatan			1,575,000
Kadar cukai dikenakan			24%
Cukai kena dibayar bagi TT2023			378,000

Contoh 3

Fakta adalah sama seperti contoh 2 dan butiran pendapatan perniagaan syarikat dalam tahun taksiran 2023 adalah seperti yang berikut:

Butiran	RM
Kerugian larasan tahun semasa dalam perniagaan	100,000

**Pengiraan Pendapatan Bercukai
Tahun Taksiran 2023**

	RM	RM	RM
Pendapatan larasan daripada perniagaan (Kerugian larasan perniagaan tahun semasa – RM100,000)			Tiada
Pendapatan kasar daripada jualan tiket kejohanan golf	-	400,000	
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	250,000	250,000	
Pendapatan berkanun kejohanan		150,000	
Tolak: Amaun pengecualian pendapatan yang dibenarkan – 50%	-	(75,000)	
Pendapatan berkanun daripada jualan tiket kejohanan golf tertakluk cukai	-	75,000	75,000
Pendapatan agregat			75,000
Tolak: Kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan Kerugian larasan tahun semasa digunakan Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h daripada TT2023		100,000 <u>(75,000)</u> 25,000	 (75,000)
Jumlah pendapatan/ Pendapatan bercukai			Tiada

Contoh 4

Lisa Boutique Sdn Bhd menjalankan perniagaan butik pakaian moden di Melaka. Syarikat telah menganjurkan Festival Kebudayaan bertaraf antarabangsa. Persembahan itu turut menampilkan artis yang terkenal di peringkat antarabangsa dan telah mengemukakan borang permohonan dan dokumen yang berkaitan kepada MOTAC. Persembahan itu telah diadakan di Genting Arena of Stars, Genting Highland pada 1.6.2023. Syarikat menutup akaunnya pada 31

Disember setiap tahun. Pendapatan Lisa Boutique bagi tahun berakhir 31.12.2023 adalah seperti yang berikut:

Butiran	RM
Pendapatan daripada jualan tiket persembahan kebudayaan	300,000

Lisa Boutique Sdn Bhd telah menganjurkan festival kebudayaan bertaraf antarabangsa yang diadakan di lokasi yang tidak diluluskan. Oleh itu, Lisa Boutique Sdn Bhd adalah tidak layak mendapat pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada hasil jualan tiket persembahan kebudayaan.

7. Akaun Berasingan

Pihak penganjur yang memohon pengecualian cukai di bawah P.U.(A) 478/2021 dikehendaki menyenggarakan suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada penganjuran aktiviti kesenian atau kebudayaan atau pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan dan berlangsung di Malaysia. Akaun tersebut adalah akaun yang berasingan daripada rekod dan akaun aktiviti perniagaan biasanya.

8. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**